

18/10/2000

Dua bangunan tentera terbenam (HL)

Johari Ibrahim; Rashidi Karim; Johan Afandi

KANGAR, Selasa - Sekurang-kurangnya dua bangunan di Kem Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), di Oran dekat sini, musnah dalam kejadian tanah jerlus, petang Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 7 petang itu, sebuah berek dan bangunan pentadbiran kem berkenaan turut rosak.

Tanah jerlus itu menyebabkan lima lubang berasingan selebar kira-kira 15 meter x 21 meter dengan kedalaman sehingga 10 meter. Dua daripadanya menenggelamkan dua bangunan berkenaan.

Difahamkan ketika kejadian, beberapa anggota kem itu berada di dalam bangunan tetapi mereka sempat menyelamatkan diri.

Bagaimanapun sehingga lewat petang ini, percubaan untuk mendapatkan pengesahan pihak berkuasa di kem itu menemui kegagalan.

Wartawan dan jurugambar yang berkumpul di depan pintu masuk kem itu sejak tengah hari tidak dibenarkan masuk.

Panglima 2 Divisyen Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Mejar Jeneral Datuk Khairuddin Mat Yusof, dilihat keluar dari kem berkenaan kira-kira jam 1 petang ini.

Bagaimanapun, beliau enggan memberikan sebarang kenyataan dan hanya memberi isyarat tangan dari dalam keretanya tanda tidak mahu mengulas ketika wartawan cuba menahan kenderaan itu di pintu pagar kem.

Turut kelihatan memasuki kem berkenaan ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Abdul Latib Omar dan pegawai Jabatan Kajibumi, yang dipercayai menjalankan siasatan kejadian itu.

Shahidan ketika ditemui di luar kem mengesahkan 'sesuatu berlaku' tetapi enggan mengulas lanjut.

"Sesuatu terjadi tetapi saya tidak boleh beritahu sekarang. Saya perlu memberi taklimat kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dulu. Saya akan adakan sidang akhbar sehari dua lagi," katanya.

Tinjauan Berita Harian dari luar pagar kem petang ini mendapati anggota tentera di situ sedang mengangkut meja dan dokumen, dipercayai dari bangunan pentadbiran yang musnah ke tempat selamat.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Pertahanan ketika dihubungi di Kuala Lumpur mengesahkan, sekurang-kurang lima lubang besar wujud di dalam kawasan kem itu.

Beliau berkata, setiap lubang itu berukuran kira-kira 15 meter x 21 meter dengan kedalaman mencapai lebih 10 meter.

Katanya, tentera masih menyiasat punca kejadian tetapi tidak menolak kemungkinan adanya aliran air bawah tanah yang menyebabkan tanah di kawasan itu mendap.

"Dalam kejadian itu, dua bangunan musnah apabila tanahnya mendap. Bagaimanapun, tiada sebarang kemalangan jiwa berlaku dan kos kerugian masih disiasat," katanya.

(END)